

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN :

YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengguna pakai vaksin denggi yang telah dibuat ujian klinikal oleh Sanofi Pasteur iaitu cabang vaksin konglomerat Perancis, Sanofi dalam usaha mengatasi masalah denggi yang berleluasa dalam negara kita.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, belum ada vaksin denggi dihasilkan di mana-mana negara lain di seluruh dunia. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat analisa untuk pelaksanaan vaksin denggi bersesuaian dengan keperluan di negara ini. Walau bagaimanapun, aktiviti pencegahan bagi mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes dan persekitaran yang bersih adalah merupakan strategi utama untuk mengurangkan jangkitan Demam Denggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS [ROMPIN]

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 47

Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) kemajuan pembangunan lapangan terbang di Pulau Tioman dapat disegerakan sebagai daya tarikan pelancong ke pulau tersebut di samping memberikan semangat baru kepada pengusaha-pengusaha chalet; dan
- (b) adakah benar, Syarikat Berjaya Air akan memberhentikan perkhidmatannya dari Subang ke Pulau Tioman. Jika benar, apakah usaha-usaha lain yang dicadangkan bagi memastikan bahawa Pulau Tioman tidak terputus daripada dunia luar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membangunkan lapangan terbang di Pulau Tioman, Kerajaan perlu mengadakan satu Kajian Kemungkinan (*feasibility study*) bagi mengenalpasti keperluan pembangunan lapangan terbang tersebut. Bagi tujuan ini, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk mendapatkan siling peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Oleh yang demikian, sebarang keputusan untuk membangunkan lapangan terbang Pulau Tioman adalah tertakluk kepada hasil Kajian Kemungkinan tersebut.

- b) Syarikat Berjaya Air telah memberhentikan perkhidmatannya dari Subang / Singapura ke Pulau Tioman sejak bulan November 2013 disebabkan faktor operasi syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, Pulau Tioman masih boleh diakses melalui perkhidmatan feri atau bot laju dari jeti Mersing.